Standard Prestasi menunjukkan enam Tahap Penguasaan (TP) yang merujuk kepada aras penguasaan yang disusun secara hieraki, dan diguna bagi tujuan pelaporan. Guru boleh membuat pertimbangan profesional untuk menentukan tahap penguasaan murid berdasarkan pengalaman bersama murid dan perbincangan profesional dengan rakan sejawat. Pentaksiran yang dilaksanakan seharusnya mengintegrasikan kandungan, kemahiran dan nilai untuk melihat sejauh mana murid menguasai Standard Kandungan tertentu secara holistik. Jadual 3 menyenaraikan maksud dan tafsiran umum tentang setiap tahap penguasaan bagi mata pelajaran KSSM Pendidikan Khas Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Tingkatan 1.

Jadual 3: Penyataan Tahap Penguasaan Umum Pendidikan Jasmani Tingkatan 1.

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Murid boleh meniru atau melakukan kemahiran asas, kemahiran pergerakan atau aktiviti kecergasan fizikal yang ditunjukkan atau tahu perkara asas tentang sesuatu kemahiran yang akan dilakukan.
2	Murid boleh melakukan kemahiran pergerakan dan aktiviti kecergasan fizikal serta menyatakan pengetahuan berkaitan fakta, konsep dan prosedur bagi sesuatu kemahiran atau aktiviti kecergasan.
3	Murid boleh mengingat semula dan mengaplikasikan pengetahuan berkaitan fakta, konsep, prinsip, prosedur, strategi, teknik dan maklumat semasa melakukan sesuatu kemahiran atau aktiviti kecergasan.
4	Murid boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan fakta, konsep, prinsip, prosedur, strategi, teknik dan maklumat semasa melakukan sesuatu kemahiran atau aktiviti kecergasan dengan turutan yang betul atau mengikut prosedur yang sistematik.
5	Murid boleh merancang sesuatu aktiviti yang baharu atau mengimprovisasi berdasarkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari untuk meningkatkan penguasaan kemahiran dan tahap kecergasan fizikal, melakukan aktiviti tersebut secara tekak dan mempamerkan kemahiran interpersonal (kemahiran insaniah).
6	Murid boleh membuat justifikasi berdasarkan strategi untuk meningkatkan prestasi dalam kemahiran, kecergasan dan mempamerkan kemahiran interpersonal serta boleh mempraktikkan kemahiran tersebut ke arah gaya hidup sihat untuk kesejahteraan.

Jadual 4: Penyataan Tahap Penguasaan Umum Pendidikan Kesihatan Tingkatan 1.

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengetahui asas kesihatan fizikal.
2	Memahami aspek kesihatan fizikal.
3	Mengaplikasi kemahiran mengurus kesihatan fizikal, dan keselamatan diri.
4	Menganalisis aspek kesihatan fizikal, dan keselamatan diri serta keluarga.
5	Menilai cara mengurus kesihatan ke arah kehidupan yang positif dan sihat.
6	Menjana idea untuk meningkatkan literasi kesihatan, serta mengamalkan gaya hidup sihat.

## ORGANISASI KANDUNGAN

KSSM Pendidikan Khas Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Tingkatan Satu diorganisasikan seperti berikut.

1. Pendidikan Jasmani
  - (i) Kemahiran
  - (ii) Kecergasan
2. Pendidikan Kesihatan
  - (i) Penyalahgunaan Bahan
  - (ii) Pemakanan
  - (iii) Pertolongan Cemas

Bagi tujuan PdP dalam Pendidikan Jasmani Modul Kemahiran, guru menggunakan Aspek 1, Aspek 2 dan Aspek 5 secara serentak. Manakala untuk pengajaran Modul Kecergasan, guru menggunakan Aspek 3, Aspek 4 dan Aspek 5 secara serentak.

### Aspek 1 : Kemahiran Pergerakan

Murid menguasai pelbagai corak pergerakan dan kemahiran motor yang diperlukan untuk melakukan pelbagai aktiviti fizikal melalui:

1. gimnastik asas;
2. pergerakan berirama;
3. kemahiran asas permainan kategori serangan, dan jaring;

4. olahraga asas yang melibatkan kemahiran asas lari pecut dan lari berganti-ganti; dan
5. rekreasi dan kesenggangan.

### Aspek 2 : Aplikasi Pengetahuan Dalam Pergerakan

Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan mengenai konsep, prinsip dan strategi pergerakan dalam pembelajaran serta mengembangkan kemahiran motor dalam melaksanakan aktiviti fizikal yang melibatkan:

1. gimnastik asas;
2. pergerakan berirama;
3. kemahiran asas permainan kategori serangan, dan jaring;
4. Permainan
  - (i) Kategori serangan yang melibatkan bola sepak, goalball dan bola jaring,
  - (ii) Kategori jaring yang melibatkan bola tampar, badminton dan ping pong ubahsuai.
5. olahraga asas yang melibatkan kemahiran asas lari pecut dan lari berganti-ganti; dan
6. rekreasi dan kesenggangan.

**Aspek 3 : Kecergasan Meningkatkan Kesihatan**

Murid berkeupayaan meningkatkan dan mengekalkan tahap kecergasan untuk kesihatan dan prestasi fizikal yang melibatkan:

1. konsep kecergasan;
2. komponen kecergasan berasaskan kesihatan iaitu kapasiti aerobik, kelenturan, kekuatan dan daya tahan otot, dan komposisi badan; dan
3. pentaksiran kecergasan.

**Aspek 4 : Aplikasi Pengetahuan Meningkatkan Kecergasan.**

Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan berkaitan konsep, prinsip dan strategi meningkatkan kecergasan untuk kesihatan dan prestasi fizikal yang melibatkan:

1. konsep kecergasan;
2. komponen kecergasan berasaskan kesihatan iaitu kapasiti aerobik, kelenturan, kekuatan dan daya tahan otot, dan komposisi badan; dan
3. pentaksiran kecergasan.

**Aspek 5: Kesukanan**

Murid berkeupayaan mengukuhkan amalan Pendidikan Jasmani menerusi elemen keselamatan, konsep, sosiologi dan psikologi, prinsip dan strategi untuk melakukan aktiviti fizikal dengan berkesan yang melibatkan:-

1. pengurusan dan keselamatan;
2. tanggungjawab sendiri;
3. interaksi sosial;
4. dinamika kumpulan; dan
5. etika dan sukan.

Pendidikan Kesihatan terdiri daripada bidang-bidang berikut:

**(i) Penyalahgunaan bahan**

Melalui bidang ini murid berkeupayaan untuk menangani situasi berisiko terhadap penyalahgunaan bahan kepada diri, keluarga serta masyarakat.

**(ii) Pemakanan**

Melalui bidang ini murid berkeupayaan untuk mengetahui fungsi dan kepentingan nutrien, amalan pemakanan yang seimbang, serta makan secara sihat.

**(iii) Pertolongan Cemas.**

Melalui bidang ini murid berkeupayaan melakukan pertolongan cemas untuk menyelamatkan nyawa, mengelakkan kecederaan menjadi lebih parah dan mengurangkan kesakitan sebelum dihantar ke hospital.

Kandungan kurikulum ini disusun di bawah lajur Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang perlu dicapai oleh murid seperti di Rajah 3. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai. Jadual 4 di bawah memberikan tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Jadual 5 dibawah menunjukkan bidang kemahiran dan kecergasan dalam Pendidikan Jasmani serta bidang-bidang dalam Pendidikan Kesihatan.

Jadual 5: Komponen Pendidikan Jasmani dan Kesihatan

<b>Pendidikan Jasmani</b>	<b>Kemahiran</b>	Gimnastik Asas	
		Pergerakan Berirama	
		Kemahiran Asas Permainan – Kategori Serangan (Pilih Dua Sahaja)	Bola Sepak
			Goalball
			Bola Jaring
		Kemahiran Asas Permainan – Kategori Jaring (Pilih Dua Sahaja)	Bola Tampar
			Badminton
	Ping Pong Ubahsuai		
	Olahraga Asas		
	Rekreasi dan Kesenggangan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemahiran Tali Aras Rendah</li> <li>• Permainan Frisbee</li> <li>• Sepak Raga Ratus (Pilih Satu Sahaja)</li> </ul>		
<b>Kecergasan</b>	Kecergasan		
<b>Pendidikan Kesihatan</b>	Penyalahgunaan Bahan		
	Pemakanan		
	Pertolongan Cemas		

Guru boleh membuat pilihan sama ada mengajar kemahiran atau kecergasan terlebih dahulu tanpa mengabaikan gabungan aspek yang telah ditetapkan. Dalam Kemahiran Asas Permainan Kategori Serangan dan Kategori Jaring, guru perlu memilih dua daripada tiga permainan yang ditetapkan mengikut keupayaan dan kesesuaian murid (Rujuk Jadual 5). Manakala, dalam Rekreasi dan Kesenggangan pula, guru perlu memilih satu dari tiga aktiviti yang dicadangkan.

### **Adaptasi Pendidikan Jasmani Dan Pendidikan Kesihatan**

Proses pelaksanaan kurikulum perlu mengambil kira kepelbagaian kebolehan dan keupayaan individu. Bagi memenuhi keperluan individu, pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan Program Pendidikan Khas dibentuk secara fleksibel selaras dengan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, 8.(1)(c) yang menyatakan:

.....seseorang guru boleh membuat pengubahsuaian kepada:

- i. kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran
- ii. masa yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti
- iii. susunan aktiviti; dan
- iv. bahan bantu mengajar

.....apa-apa pengubahsuaian yang dibuat di bawah perenggan (1)(c) hendaklah mengikut Kurikulum Pendidikan Khas.

Oleh yang demikian, guru-guru digalakkan untuk mengubahsuai p&p apabila diperlukan dan berdasarkan keupayaan murid tanpa menjejaskan bentuk permainan dan keseronokan semasa ia dijalankan.

Guru boleh membuat pilihan sama ada mengajar kemahiran atau kecergasan terlebih dahulu tanpa mengabaikan gabungan aspek yang telah ditetapkan. Kandungan kurikulum ini disusun di bawah lajur Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang perlu dicapai oleh murid. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai. Jadual 6 di bawah memberikan tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Jadual 6: Organisasi Kandungan

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.



## **KOMPONEN PENDIDIKAN JASMANI**



# **KEMAHIRAN**



**GIMNASTIK ASAS**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<b>ASPEK 1: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)</b>	
1.1 Melakukan kemahiran asas lantunan dan layangan di atas trampolin	1.1.1 Melakukan kemahiran lantunan di atas trampolin dan berhenti dengan selamat. 1.1.2 Membuat bentuk badan <i>tuck</i> , <i>pike</i> , dan <i>straddle</i> semasa layangan di atas trampolin.
<b>ASPEK 2: APLIKASI PENGETAHUAN DALAM PERGERAKAN (DOMAIN KOGNITIF)</b>	
2.1 Menggunakan pengetahuan konsep pergerakan dan prinsip mekanik semasa melakukan lantunan dan layangan di atas trampolin.	2.1.1 Menyatakan postur badan yang sesuai untuk mengekalkan kawalan badan semasa layangan. 2.1.2 Menerangkan mekanik lakuan untuk menghasilkan lantunan yang tinggi.
<b>ASPEK 5: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)</b>	
<p data-bbox="320 742 745 777"><b>Keselamatan dan Pengurusan</b></p> <p data-bbox="230 777 768 877">5.1 Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan</p> <p data-bbox="320 1045 660 1080"><b>Tanggungjawab Kendiri</b></p> <p data-bbox="230 1080 768 1181">5.2 Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan fizikal</p>	<p data-bbox="790 777 1921 812">5.1.1 Bersedia dari segi pakaian, peralatan, dan kawasan yang selamat dan sesuai.</p> <p data-bbox="790 844 2051 911">5.1.2 Mengenal pasti peralatan keselamatan yang boleh mengurangkan risiko kecederaan berdasarkan aktiviti fizikal tertentu.</p> <p data-bbox="790 943 2051 1010">5.1.3 Mematuhi langkah-langkah keselamatan semasa melakukan aktiviti fizikal berdasarkan keupayaan diri sendiri.</p> <p data-bbox="790 1080 2051 1147">5.2.1 Mengambil bahagian secara aktif dan produktif dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p data-bbox="790 1179 1872 1214">5.2.2 Menilai tanggungjawab individu dalam melakukan aktiviti dalam kumpulan.</p> <p data-bbox="790 1246 1626 1281">5.2.3 Menetapkan matlamat sendiri dalam melakukan aktiviti.</p> <p data-bbox="790 1313 1659 1348">5.2.4 Menunjukkan keyakinan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>5.3 <b>Interaksi Sosial</b> Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.4 <b>Dinamika Kumpulan</b> Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.5 <b>Etika Dalam Sukan</b> Memahami dan mengaplikasi etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.2.5 Membuat keputusan untuk diri sendiri dan orang lain semasa melakukan aktiviti dalam pelbagai situasi.</p> <p>5.3.1 Berkomunikasi secara berkesan semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.3.2 Mempamerkan keseronokan semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.3.3 Memberikan penghargaan terhadap pendapat dan kelebihan rakan.</p> <p>5.3.4 Mengenal pasti dan menentukan peranan setiap ahli semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.4.1 Mengenal pasti dan bersetuju dengan matlamat yang sama semasa melakukan aktiviti fizikal dalam kumpulan.</p> <p>5.4.2 Bekerjasama menyelesaikan masalah yang berlaku semasa melakukan aktiviti fizikal dan bersepakat dalam membuat penyelesaian.</p> <p>5.5.1 Menerangkan etika sukan bagi atlet atau pemain, pegawai dan penonton.</p> <p>5.5.2 Mengamalkan semangat kesukanan dan permainan bersih (<i>fairplay</i>) dalam permainan.</p>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh meniru kemahiran lantunan di atas trampolin.</li> </ul>
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh menyatakan postur badan, mekanik lakuan, dan ketinggian layangan yang sesuai untuk melakukan lantunan di atas trampolin.</li> </ul>
3	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh mengingat semula dan mengaplikasi postur badan, mekanik lakuan, dan ketinggian layangan semasa melakukan kemahiran lantunan, bentuk badan <i>tuck</i>, <i>pike</i>, dan <i>straddle</i> di atas trampolin.</li> </ul>
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh menyatakan dan mengaplikasi postur badan, mekanik lakuan dan ketinggian layangan semasa melakukan kemahiran lantunan, bentuk badan <i>tuck</i>, <i>pike</i>, dan <i>straddle</i> dengan lakuan yang betul di atas trampolin.</li> </ul>
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh merancang rutin pergerakan yang melibatkan kemahiran lantunan dan membentuk badan di atas trampolin.</li> <li>Boleh melakukan persembahan rutin pergerakan yang telah direka.</li> <li>Boleh melibatkan diri secara aktif dan produktif dalam kumpulan serta berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.</li> </ul>
6	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh merancang rutin pergerakan yang melibatkan kemahiran lantunan dan membentuk badan di atas trampolin.</li> <li>Boleh mempamerkan keseronokan, keyakinan serta penghargaan terhadap pendapat dan kelebihan rakan semasa melakukan aktiviti.</li> <li>Boleh melakukan kemahiran dalam gimnastik sebagai aktiviti untuk meningkatkan kecergasan fizikal.</li> </ul>





**PERGERAKAN BERIRAMA**

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>
<b>ASPEK 1: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)</b>	
1.2 Melakukan pelbagai corak pergerakan mengikut muzik yang didengar.	1.2.1 Melakukan kemahiran dalam tarian joget dan sumazau mengikut muzik yang didengar.
<b>ASPEK 2: KEMAHIRAN APLIKASI PENGETAHUAN MENINGKATKAN KECERGASAN (DOMAIN KOGNITIF)</b>	
2.2 Menggunakan pengetahuan konsep pergerakan bagi pergerakan berirama.	2.2.1 Mengenal pasti pergerakan lokomotor, bukan lokomotor dan konsep pergerakan yang digunakan dalam tarian joget dan sumazau.
<b>ASPEK 5: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)</b>	
<p><b>Keselamatan dan Pengurusan</b></p> <p>5.1 Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan</p> <p><b>Tanggungjawab Kendiri</b></p> <p>5.2 Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan fizikal</p>	<p>5.1.1 Bersedia dari segi pakaian, peralatan, dan kawasan yang selamat dan sesuai.</p> <p>5.1.2 Mengenal pasti peralatan keselamatan yang boleh mengurangkan risiko kecederaan berdasarkan aktiviti fizikal tertentu.</p> <p>5.1.3 Mematuhi langkah-langkah keselamatan semasa melakukan aktiviti fizikal berdasarkan keupayaan diri sendiri.</p> <p>5.2.1 Mengambil bahagian secara aktif dan produktif dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.2.2 Menilai tanggungjawab individu dalam melakukan aktiviti dalam kumpulan.</p> <p>5.2.3 Menetapkan matlamat sendiri dalam melakukan aktiviti.</p> <p>5.2.4 Menunjukkan keyakinan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>5.3 <b>Interaksi Sosial</b> Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.4 <b>Dinamika Kumpulan</b> Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.5 <b>Etika Dalam Sukan</b> Memahami dan mengaplikasi etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.2.5 Membuat keputusan untuk diri sendiri dan orang lain semasa melakukan aktiviti dalam pelbagai situasi.</p> <p>5.3.1 Berkomunikasi secara berkesan semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.3.2 Mempamerkan keseronokan semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.3.3 Memberikan penghargaan terhadap pendapat dan kelebihan rakan.</p> <p>5.3.4 Mengenal pasti dan menentukan peranan setiap ahli semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.4.1 Mengenal pasti dan bersetuju dengan matlamat yang sama semasa melakukan aktiviti fizikal dalam kumpulan.</p> <p>5.4.2 Bekerjasama menyelesaikan masalah yang berlaku semasa melakukan aktiviti fizikal dan bersepakat dalam membuat penyelesaian.</p> <p>5.5.1 Menerangkan etika sukan bagi atlet atau pemain, pegawai dan penonton.</p> <p>5.5.2 Mengamalkan semangat kesukanan dan permainan bersih (<i>fairplay</i>) dalam permainan.</p>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh meniru langkah tarian joget dan sumazau yang ditunjukkan mengikut muzik yang didengar.</li> </ul>
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh menyatakan pergerakan lokomotor, bukan lokomotor, dan konsep pergerakan yang digunakan dalam tarian joget dan sumazau.</li> </ul>
3	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh mengingat dan mengaplikasi pergerakan lokomotor, bukan lokomotor, dan konsep pergerakan dalam tarian joget dan sumazau mengikut muzik yang didengar.</li> </ul>
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh menyatakan dan mengaplikasi pergerakan lokomotor, bukan lokomotor, dan konsep pergerakan dalam tarian joget dan sumazau dengan langkah dan lakuan yang betul mengikut muzik yang didengar.</li> </ul>
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh menyatakan dan mengaplikasi pergerakan lokomotor, bukan lokomotor, dan konsep pergerakan dalam tarian joget dan sumazau dengan langkah dan lakuan yang betul mengikut muzik yang didengar.</li> <li>Boleh melibatkan diri secara aktif dan produktif dalam kumpulan serta berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.</li> </ul>
6	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh menyatakan dan mengaplikasi pergerakan lokomotor, bukan lokomotor, dan konsep pergerakan dalam tarian joget dan sumazau dengan langkah dan lakuan yang betul mengikut muzik yang didengar.</li> <li>Boleh melibatkan diri secara aktif dan produktif dalam kumpulan serta berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.</li> <li>Boleh melakukan kemahiran pergerakan berirama sebagai aktiviti untuk meningkatkan kecergasan fizikal.</li> </ul>



**KEMAHIRAN ASAS PERMAINAN – BOLA SEPAK (KATEGORI SERANGAN)**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<b>ASPEK 1: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)</b>	
1.3 Melakukan kemahiran asas bola sepak dengan lakuan yang betul.	1.3.1 Melakukan kemahiran menghantar bola secara leret, lambung dan menanduk dalam situasi permainan. 1.3.2 Melakukan kemahiran menyerkap bola leret dan bola tinggi dalam situasi permainan. 1.3.3 Melakukan kemahiran mengelecek bola dalam situasi permainan. 1.3.4 Melakukan kemahiran takel depan dan takel sisi dalam situasi permainan. 1.3.5 Melakukan pelbagai kemahiran menjaring dengan pelbagai cara dalam situasi permainan. 1.3.6 Melakukan kemahiran menjaga gawang dengan pelbagai cara dalam situasi permainan.
<b>ASPEK 2: KEMAHIRAN APLIKASI PENGETAHUAN MENINGKATKAN KECERGASAN (DOMAIN KOGNITIF)</b>	
2.3 Menggunakan pengetahuan konsep pergerakan dan prinsip mekanik dalam kemahiran asas bola sepak.	2.3.1 Memerihalkan penggunaan daya semasa melakukan kemahiran menghantar bola. 2.3.2 Mengenal pasti mekanik lakuan untuk menyerkap bola leret dan bola tinggi serta menangkap bola dalam situasi permainan. 2.3.3 Menerangkan cara mengawal bola semasa mengelecek untuk melepasi lawan. 2.3.4 Mengenal pasti kemahiran takel yang sesuai digunakan dalam situasi permainan. 2.3.5 Mengenal pasti kemahiran menjaring yang sesuai untuk dilakukan dalam situasi permainan. 2.3.6 Mengenal pasti kemahiran menjaga gawang yang sesuai digunakan dalam situasi permainan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<b>ASPEK 5: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)</b>	
<p><b>Keselamatan dan Pengurusan</b></p> <p>5.1 Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan</p> <p><b>Tanggungjawab Kendiri</b></p> <p>5.2 Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan fizikal</p> <p><b>Interaksi Sosial</b></p> <p>5.3 Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.1.1 Bersedia dari segi pakaian, peralatan, dan kawasan yang selamat dan sesuai.</p> <p>5.1.2 Mengenal pasti peralatan keselamatan yang boleh mengurangkan risiko kecederaan berdasarkan aktiviti fizikal tertentu.</p> <p>5.1.3 Mematuhi langkah-langkah keselamatan semasa melakukan aktiviti fizikal berdasarkan keupayaan diri sendiri.</p> <p>5.2.1 Mengambil bahagian secara aktif dan produktif dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.2.2 Menilai tanggungjawab individu dalam melakukan aktiviti dalam kumpulan.</p> <p>5.2.3 Menetapkan matlamat sendiri dalam melakukan aktiviti.</p> <p>5.2.4 Menunjukkan keyakinan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.2.5 Membuat keputusan untuk diri sendiri dan orang lain semasa melakukan aktiviti dalam pelbagai situasi.</p> <p>5.3.1 Berkomunikasi secara berkesan semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.3.2 Mempamerkan keseronokan semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.3.3 Memberikan penghargaan terhadap pendapat dan kelebihan rakan.</p> <p>5.3.4 Mengenal pasti dan menentukan peranan setiap ahli semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>5.4 <b>Dinamika Kumpulan</b> Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.4.1 Menenal pasti dan bersetuju dengan matlamat yang sama semasa melakukan aktiviti fizikal dalam kumpulan.</p> <p>5.4.2 Bekerjasama menyelesaikan masalah yang berlaku semasa melakukan aktiviti fizikal dan bersepakat dalam membuat penyelesaian.</p>
<p>5.5 <b>Etika Dalam Sukan</b> Memahami dan mengaplikasi etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.5.1 Menerangkan etika sukan bagi atlet atau pemain, pegawai dan penonton.</p> <p>5.5.2 Mengamalkan semangat kesukanan dan permainan bersih (<i>fairplay</i>) dalam permainan.</p>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh melakukan kemahiran asas menghantar, menyerkap, menanduk, menggelecek, takel, menjaring, dan menjaga gawang dalam situasi permainan bola sepak.</li> </ul>
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh melakukan dan menerangkan penggunaan daya semasa menghantar bola dan mekanik lakuan semasa menyerkap dan menangkap bola dari pelbagai ketinggian dalam situasi permainan.</li> <li>Boleh melakukan dan menyenaraikan kemahiran asas bola sepak yang digunakan untuk menyerang dan bertahan.</li> </ul>
3	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh mengingat dan mengaplikasi penggunaan daya dan mekanik lakuan kemahiran asas menghantar, menyerkap, menanduk, menggelecek, takel, menjaring, dan menjaga gawang semasa menyerang dan bertahan dalam situasi permainan.</li> </ul>
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh menyatakan dan mengaplikasi penggunaan daya dan mekanik lakuan kemahiran asas menghantar, menyerkap, menanduk, menggelecek, takel, menjaring, dan menjaga gawang dengan lakuan yang betul semasa menyerang dan bertahan dalam situasi permainan.</li> </ul>
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh merancang strategi untuk menyerang dan bertahan yang sesuai dalam situasi permainan.</li> <li>Boleh bermain bola sepak dengan mengaplikasi strategi yang dirancang dan mengamalkan permainan bersih serta mempamerkan keseronokan.</li> </ul>
6	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh membuat justifikasi berdasarkan strategi melakukan serangan dan bertahan dalam situasi permainan untuk meningkatkan keberkesanan serangan dan pertahanan.</li> <li>Boleh bekerjasama dalam melakukan serangan dan bertahan serta dapat memainkan peranan pada posisi masing-masing.</li> <li>Boleh mengamalkan langkah-langkah keselamatan semasa melakukan aktiviti serta menjadikan aktiviti ini sebagai amalan dalam gaya hidup sihat.</li> </ul>



**KEMAHIRAN ASAS PERMAINAN – GOALBALL (KATEGORI SERANGAN)**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<b>ASPEK 1: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)</b>	
1.4 Melakukan kemahiran asas goalball dengan lakuan yang betul.	1.4.1 Melakukan kemahiran menghantar bola secara leret. 1.4.2 Melakukan kemahiran meleret bola ke pelbagai arah dalam situasi permainan. 1.4.3 Melakukan kemahiran menentukan arah pergerakan bola menggunakan pendengaran. 1.4.4 Melakukan pelbagai kemahiran menjaga gawang seperti mengadang, menangkap, dan menutup ruang melibatkan pelbagai arah dalam situasi permainan.
<b>ASPEK 2: KEMAHIRAN APLIKASI PENGETAHUAN MENINGKATKAN KECERGASAN (DOMAIN KOGNITIF)</b>	
2.4 Menggunakan pengetahuan konsep pergerakan dan prinsip mekanik dalam kemahiran asas goalball.	2.4.1 Memerihalkan penggunaan daya semasa melakukan kemahiran menghantar bola. 2.4.2 Memerihal konsep serapan daya semasa menerima dan menangkap bola. 2.4.3 Mengenal pasti kemahiran menjaga gawang yang sesuai digunakan dalam situasi permainan.
<b>ASPEK 5: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)</b>	
<b>Keselamatan dan Pengurusan</b> 5.1 Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan  <b>Tanggungjawab Kendiri</b> 5.2 Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa	5.1.1 Bersedia dari segi pakaian, peralatan, dan kawasan yang selamat dan sesuai. 5.1.2 Mengenal pasti peralatan keselamatan yang boleh mengurangkan risiko kecederaan berdasarkan aktiviti fizikal tertentu. 5.1.3 Mematuhi langkah-langkah keselamatan semasa melakukan aktiviti fizikal berdasarkan keupayaan diri sendiri.  5.2.1 Mengambil bahagian secara aktif dan produktif dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>melakukan fizikal</p> <p><b>Interaksi Sosial</b></p> <p>5.3 Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p><b>Dinamika Kumpulan</b></p> <p>5.4 Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p><b>Etika Dalam Sukan</b></p> <p>5.5 Memahami dan mengaplikasi etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.2.2 Menilai tanggungjawab individu dalam melakukan aktiviti dalam kumpulan.</p> <p>5.2.3 Menetapkan matlamat sendiri dalam melakukan aktiviti.</p> <p>5.2.4 Menunjukkan keyakinan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.2.5 Membuat keputusan untuk diri sendiri dan orang lain semasa melakukan aktiviti dalam pelbagai situasi.</p> <p>5.3.1 Berkomunikasi secara berkesan semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.3.2 Mempamerkan keseronokan semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.3.3 Memberikan penghargaan terhadap pendapat dan kelebihan rakan.</p> <p>5.3.4 Mengenal pasti dan menentukan peranan setiap ahli semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.4.1 Mengenal pasti dan bersetuju dengan matlamat yang sama semasa melakukan aktiviti fizikal dalam kumpulan.</p> <p>5.4.2 Bekerjasama menyelesaikan masalah yang berlaku semasa melakukan aktiviti fizikal dan bersepakat dalam membuat penyelesaian.</p> <p>5.5.1 Menerangkan etika sukan bagi atlet atau pemain, pegawai dan penonton.</p> <p>5.5.2 Mengamalkan semangat kesukanan dan permainan bersih (<i>fairplay</i>) dalam permainan.</p>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh melakukan kemahiran asas menghantar bola, menentukan arah pergerakan bola dan menjaga gawang dalam situasi permainan Goalball.</li> </ul>
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh menerangkan penggunaan daya semasa menghantar bola dan mekanik lakuan semasa menangkap bola.</li> </ul>
3	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh mengingat dan mengaplikasi penggunaan daya dan mekanik lakuan kemahiran asas menghantar, dan menjaga gawang semasa menyerang dan bertahan dalam situasi permainan.</li> </ul>
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh menyatakan dan mengaplikasi penggunaan daya dan mekanik lakuan kemahiran asas menghantar, dan menjaga gawang dengan lakuan yang betul semasa menyerang dan bertahan dalam situasi permainan.</li> </ul>
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh merancang strategi untuk menyerang dan bertahan yang sesuai dalam situasi permainan.</li> <li>Boleh bermain goalball dengan mengaplikasi strategi yang dirancang dan mengamalkan permainan bersih serta mempamerkan keseronokan.</li> </ul>
6	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh bermain goalball dengan mengaplikasi strategi yang dirancang dan mengamalkan permainan bersih serta mempamerkan keseronokan.</li> <li>Boleh bekerjasama dalam melakukan serangan dan bertahan serta dapat memainkan peranan pada posisi masing-masing.</li> <li>Boleh mengamalkan langkah-langkah keselamatan semasa melakukan aktiviti serta menjadikan aktiviti ini sebagai amalan dalam gaya hidup sihat.</li> </ul>



**KEMAHIRAN ASAS PERMAINAN – BOLA JARING (KATEGORI SERANGAN)**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<b>ASPEK 1: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)</b>	
1.5 Melakukan kemahiran asas bola jaring dengan lakuan yang betul.	1.5.1 Melakukan kemahiran menghantar bola pelbagai arah dalam situasi permainan. 1.5.2 Melakukan kemahiran menerima bola dengan kedua-dua belah tangan dan sebelah tangan dari pelbagai arah dan aras dalam situasi permainan. 1.5.3 Melakukan kemahiran gerak kaki dengan mendarat menggunakan kedua-dua belah kaki, sebelah kaki, dan 1 ½ langkah setelah menangkap bola dalam situasi permainan. 1.5.4 Melakukan kemahiran menjaring secara statik dan menjaring gerak selangkah dari pelbagai jarak dalam situasi permainan. 1.5.5 Melakukan kemahiran mengadang dari posisi belakang, posisi sisi, dan posisi depan dalam situasi permainan. 1.5.6 Melakukan kemahiran mengacah dengan <i>dodge</i> dalam situasi permainan.
<b>ASPEK 2: KEMAHIRAN APLIKASI PENGETAHUAN MENINGKATKAN KECERGASAN (DOMAIN KOGNITIF)</b>	
2.5 Menggunakan pengetahuan konsep pergerakan dan prinsip mekanik dalam kemahiran asas bola jaring.	2.5.1 Mengenal pasti kemahiran menghantar bola yang sesuai digunakan mengikut situasi permainan. 2.5.2 Menjelaskan mekanik lakuan yang betul semasa menerima bola dari pelbagai arah dan aras. 2.5.3 Mengenal pasti kaki yang akan melangkah selepas mendarat sebelum menghantar bola. 2.5.4 Memerihal peranan <i>pivot</i> dalam kemahiran gerak kaki. 2.5.5 Menjelaskan kemahiran menjaring yang sesuai digunakan berdasarkan situasi permainan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
	<p>2.5.6 Mengenal pasti kemahiran mengadang yang sesuai digunakan berdasarkan situasi permainan.</p> <p>2.5.7 Menerangkan cara melakukan kemahiran mengacah yang sesuai digunakan berdasarkan situasi permainan.</p>
<b>ASPEK 5: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)</b>	
<p><b>Keselamatan dan Pengurusan</b></p> <p>5.1 Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan</p> <p><b>Tanggungjawab Kendiri</b></p> <p>5.2 Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan fizikal</p>	<p>5.1.1 Bersedia dari segi pakaian, peralatan, dan kawasan yang selamat dan sesuai.</p> <p>5.1.2 Mengenal pasti peralatan keselamatan yang boleh mengurangkan risiko kecederaan berdasarkan aktiviti fizikal tertentu.</p> <p>5.1.3 Mematuhi langkah-langkah keselamatan semasa melakukan aktiviti fizikal berdasarkan keupayaan diri sendiri.</p> <p>5.2.1 Mengambil bahagian secara aktif dan produktif dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.2.2 Menilai tanggungjawab individu dalam melakukan aktiviti dalam kumpulan.</p> <p>5.2.3 Menetapkan matlamat sendiri dalam melakukan aktiviti.</p> <p>5.2.4 Menunjukkan keyakinan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.2.5 Membuat keputusan untuk diri sendiri dan orang lain semasa melakukan aktiviti dalam pelbagai situasi.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>5.3 <b>Interaksi Sosial</b> Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.3.1 Berkomunikasi secara berkesan semasa melakukan aktiviti. 5.3.2 Mempamerkan keseronokan semasa melakukan aktiviti. 5.3.3 Memberikan penghargaan terhadap pendapat dan kelebihan rakan. 5.3.4 Mengenal pasti dan menentukan peranan setiap ahli semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>
<p>5.4 <b>Dinamika Kumpulan</b> Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.4.1 Mengenal pasti dan bersetuju dengan matlamat yang sama semasa melakukan aktiviti fizikal dalam kumpulan. 5.4.2 Bekerjasama menyelesaikan masalah yang berlaku semasa melakukan aktiviti fizikal dan bersepakat dalam membuat penyelesaian.</p>
<p>5.5 <b>Etika Dalam Sukan</b> Memahami dan mengapikasi etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.5.1 Menerangkan etika sukan bagi atlet atau pemain, pegawai dan penonton. 5.5.2 Mengamalkan semangat kesukanan dan permainan bersih (<i>fairplay</i>) dalam permainan.</p>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh melakukan kemahiran asas menghantar, menerima, gerak kaki, menjaring, mengadang, dan mengacah.</li> </ul>
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh melakukan dan menerangkan penggunaan daya semasa menghantar bola, mekanik lakuan dan serapan daya semasa menerima bola, peranan kaki yang menjadi paksi semasa mendarat, kemahiran menjaring bola, kemahiran mengadang, dan cara lakuan mengacah dalam situasi permainan.</li> <li>Boleh melakukan dan menyenaraikan kemahiran asas bola jaring yang digunakan untuk menyerang dan bertahan dalam situasi permainan.</li> </ul>
3	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh mengingat dan mengaplikasi penggunaan daya dan mekanik lakuan kemahiran asas menjaring, mekanik lakuan dan serapan daya semasa menerima bola, kemahiran gerak kaki, mengadang, dan mengacah semasa menyerang dan bertahan dalam situasi permainan.</li> </ul>
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh menyatakan dan mengaplikasi penggunaan daya dan mekanik lakuan kemahiran menghantar dan menjaring, mekanik lakuan dan serapan daya semasa menerima bola, kemahiran gerak kaki, mengadang, dan mengacah dengan lakuan yang betul semasa menyerang dan bertahan dalam situasi permainan.</li> </ul>
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh merancang dan mengenal pasti strategi semasa menyerang dan bertahan dengan menggunakan kemahiran menghantar, menerima, gerak kaki, menjaring, mengadang, dan mengacah dalam situasi permainan.</li> <li>Boleh berkomunikasi dan bekerjasama merancang strategi dalam melakukan serangan dan bertahan semasa bermain.</li> </ul>
6	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh membuat justifikasi berdasarkan strategi melakukan serangan dan bertahan untuk meningkatkan prestasi dalam kemahiran menghantar, menerima, gerak kaki, menjaring, mengadang, dan mengacah dalam situasi permainan.</li> <li>Boleh mengamalkan langkah-langkah keselamatan semasa bermain bola jaring sebagai aktiviti yang meningkatkan kecergasan fizikal ke arah amalan gaya hidup sihat.</li> </ul>



**KEMAHIRAN ASAS PERMAINAN – BOLA TAMPAR (KATEGORI JARING)**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<b>ASPEK 1: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)</b>	
1.6 Melakukan kemahiran asas bola tampar dengan lakuan yang betul.	1.6.1 Melakukan kemahiran menyangga bola semasa menghantar dan menerima mengikut situasi permainan. 1.6.2 Melakukan kemahiran mengumpun bola semasa menghantar dan menerima mengikut situasi permainan. 1.6.3 Melakukan kemahiran servis bawah dan servis atas dalam situasi permainan. 1.6.4 Melakukan kemahiran merejam bola dalam situasi permainan. 1.6.5 Melakukan kemahiran mengadang bola dalam situasi permainan.
<b>ASPEK 2: KEMAHIRAN APLIKASI PENGETAHUAN MENINGKATKAN KECERGASAN (DOMAIN KOGNITIF)</b>	
2.6 Menggunakan pengetahuan konsep pergerakan dan prinsip mekanik dalam kemahiran asas bola tampar.	2.6.1 Memerihal pemindahan daya semasa melakukan kemahiran servis, menyangga, mengumpun, dan merejam. 2.6.2 Memerihal lakuan semasa servis, menyangga, mengumpun, dan merejam. 2.6.3 Mengenal pasti pilihan servis yang sesuai digunakan dalam situasi permainan. 2.6.4 Menerangkan faktor-faktor yang membantu rejaman yang berkesan. 2.6.5 Menjelaskan pemasaan yang sesuai untuk melonjak semasa mengadang.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<b>ASPEK 5: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)</b>	
<p><b>Keselamatan dan Pengurusan</b></p> <p>5.1 Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan</p> <p><b>Tanggungjawab Kendiri</b></p> <p>5.2 Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan fizikal</p> <p><b>Interaksi Sosial</b></p> <p>5.3 Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.1.1 Bersedia dari segi pakaian, peralatan, dan kawasan yang selamat dan sesuai.</p> <p>5.1.2 Mengenal pasti peralatan keselamatan yang boleh mengurangkan risiko kecederaan berdasarkan aktiviti fizikal tertentu.</p> <p>5.1.3 Mematuhi langkah-langkah keselamatan semasa melakukan aktiviti fizikal berdasarkan keupayaan diri sendiri.</p> <p>5.2.1 Mengambil bahagian secara aktif dan produktif dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.2.2 Menilai tanggungjawab individu dalam melakukan aktiviti dalam kumpulan.</p> <p>5.2.3 Menetapkan matlamat sendiri dalam melakukan aktiviti.</p> <p>5.2.4 Menunjukkan keyakinan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.2.5 Membuat keputusan untuk diri sendiri dan orang lain semasa melakukan aktiviti dalam pelbagai situasi.</p> <p>5.3.1 Berkomunikasi secara berkesan semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.3.2 Mempamerkan keseronokan semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.3.3 Memberikan penghargaan terhadap pendapat dan kelebihan rakan.</p> <p>5.3.4 Mengenal pasti dan menentukan peranan setiap ahli semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>5.4 <b>Dinamika Kumpulan</b> Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.4.1 Menenal pasti dan bersetuju dengan matlamat yang sama semasa melakukan aktiviti fizikal dalam kumpulan.</p> <p>5.4.2 Bekerjasama menyelesaikan masalah yang berlaku semasa melakukan aktiviti fizikal dan bersepakat dalam membuat penyelesaian.</p>
<p>5.5 <b>Etika Dalam Sukan</b> Memahami dan mengapikasi etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.5.1 Menerangkan etika sukan bagi atlet atau pemain, pegawai dan penonton.</p> <p>5.5.2 Mengamalkan semangat kesukanan dan permainan bersih (<i>fairplay</i>) dalam permainan.</p>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh melakukan kemahiran asas servis, menyangga, mengumpun dan merejam.</li> </ul>
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh melakukan dan menerangkan mekanik lakuan serta pemindahan daya semasa servis, menyangga, mengumpun dan merejam.</li> <li>Boleh melakukan dan menjelaskan pemasaan yang sesuai untuk melonjak semasa mengadang.</li> </ul>
3	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh mengingat semula dan mengaplikasi pengetahuan berkaitan pemindahan daya semasa melakukan servis, menyangga, mengumpun dan merejam dalam situasi permainan.</li> <li>Boleh mengaplikasi pemasaan yang sesuai untuk melonjak semasa mengadang dalam situasi permainan.</li> </ul>
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh mengingat semula dan mengaplikasi pengetahuan berkaitan pemindahan daya semasa melakukan servis, menyangga, mengumpun, dan merejam serta melakukan kemahiran tersebut dengan mekanik lakuan yang betul dalam situasi permainan.</li> <li>Boleh mengaplikasi pemasaan yang tepat untuk melonjak semasa mengadang dalam situasi permainan.</li> </ul>
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh mengenal pasti dan memilih kemahiran bola tampar yang sesuai digunakan untuk menyerang dan bertahan dalam situasi permainan.</li> <li>Boleh merancang strategi untuk menyerang dan bertahan dengan menggunakan kemahiran servis, menyanggan, mengumpun, merejam dan mengadang serta mengaplikasi dalam situasi permainan.</li> <li>Boleh menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa memainkan peranan mengikut posisi masing-masing dalam situasi menyerang dan bertahan.</li> </ul>
6	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh membuat refleksi terhadap strategi menyerang dan bertahan yang telah dilaksanakan dan mencadangkan penambahbaikan.</li> <li>Boleh bekerjasama dalam kumpulan semasa merancang aktiviti dan melakukan kemahiran asas dalam permainan bola tampar.</li> <li>Boleh bermain bola tampar sebagai satu aktiviti yang meningkatkan kecergasan fizikal sebagai amalan gaya hidup sihat.</li> </ul>

**KEMAHIRAN ASAS PERMAINAN – BADMINTON (KATEGORI JARING)**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<b>ASPEK 1: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)</b>	
1.7 Melakukan kemahiran asas badminton dengan lakuan yang betul.	1.7.1 Melakukan kemahiran servis tinggi, dan servis pendek dalam situasi permainan. 1.7.2 Melakukan kemahiran pukulan hadapan dan kilas dalam situasi permainan. 1.7.3 Melakukan pelbagai kemahiran pukulan <i>lob</i> dalam situasi permainan. 1.7.4 Melakukan pukulan junam ( <i>drop short</i> ) dalam situasi permainan. 1.7.5 Melakukan kemahiran <i>smesy</i> dalam situasi permainan.
<b>ASPEK 2: APLIKASI PENGETAHUAN DALAM PERGERAKAN (DOMAIN KOGNITIF)</b>	
2.7 Menggunakan pengetahuan konsep pergerakan dan prinsip mekanik dalam kemahiran asas badminton.	2.7.1 Menerangkan lakuan servis tinggi dan servis pendek. 2.7.2 Mengenal pasti pemasangan untuk melakukan pukulan hadapan dan kilas. 2.7.3 Menyatakan justifikasi terhadap pilihan kemahiran <i>lob</i> yang dilakukan semasa menerima servis. 2.7.4 Mengenal pasti situasi yang sesuai untuk menggunakan kemahiran pukulan junam dalam permainan. 2.7.5 Menerangkan lakuan kemahiran <i>smesy</i> . 2.7.6 Menyatakan justifikasi kemahiran yang sesuai digunakan untuk menyerang dan bertahan dalam situasi permainan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
